



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Kota Kinabalu, 30 April 2023

MAGGI Sebarkan Keriangan Berganda di Pesta Kaamatan Menerusi Kempen Jom Masak, Menang & Kongsi Bersama *Sumbangan Dana untuk Persatuan Bulan Sabit Merah, Sabah*

Kotobian Tadau Tagazo do Kaamatan! Sempena pesta menuai yang disambut sejak turun-temurun di Sabah, MAGGI dengan sukacitanya membawa kembali kempen Jom Masak, Menang & Kongsi Bersama sempena Pesta Kaamatan yang menawarkan hadiah-hadiah menarik kepada penduduk Sabah!

Kempen tahunan ini, yang diadakan dari 1 Mei hingga 30 Jun 2023, bertujuan menceriakan rakyat Malaysia di Sabah dengan sajian lazat yang dimasak di rumah untuk Pesta Kaamatan, di samping mengadakan pelbagai aktiviti perayaan termasuk inisiatif meraih dana bagi program Tanggungjawab Sosial Korporat. Dengan memasak menggunakan pelbagai produk MAGGI yang lazat, pengguna berpeluang memenangi hadiah-hadiah berjumlah RM135,000, termasuk sebuah Proton X7 SUV sebagai Hadiah Utama!

Kempen tahun ini dilancarkan oleh YB Tuan Samad Bin Jambri, Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah. Cik Lim Siew Ling, Pengurus Pemasaran Pengguna MAGGI, Nestlé (Malaysia) Berhad turut hadir di majlis pelancaran tersebut. Chef Eksekutif Korporat Nestlé, Chef Muluk, juga telah mengadakan satu demonstrasi memasak, dengan menyediakan hidangan Kaamatan yang menambat selera menggunakan produk MAGGI.

Cik Lim Siew Ling, berkata, "Sejak 2015, sudah menjadi tradisi tahunan MAGGI untuk bersama-sama meraikan Pesta Kaamatan yang disambut oleh masyarakat peribumi

di Sabah untuk menandakan berakhirnya musim menuai. Kami berbesar hati untuk menganjurkan kempen sekali lagi sambil menggalakkan keluarga dan masyarakat untuk menikmati sajian sihat dan seimbang yang disediakan di rumah, baik semasa menyediakan hidangan harian mahupun untuk perayaan istimewa seperti ini, sejajar dengan janji jenama MAGGI, iaitu "Sajikan Kelainan".

Dalam semangat berkongsi kemeriahan sambutan Pesta Kaamatan, rakyat Sabah yang mengambil bahagian dalam kempen juga boleh menyumbang untuk tujuan murni. Bagi setiap borang penyertaan yang dikemukakan, MAGGI telah berikrar untuk menderma RM0.10 kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia, yang akan disalurkan untuk menyediakan makanan dan bantuan kepada masyarakat memerlukan di Sabah.

YB Tuan Samad Bin Jambri, Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah berkata, "Pesta menuai Kaamatan merupakan satu sambutan kebudayaan penting di Sabah, dan kami gembira kerana MAGGI turut meraikannya bersama sekali lagi menerusi kempen tahunan ini. Selain daripada mengetengahkan warisan budaya Sabah, kempen ini juga akan membolehkan MAGGI menabur budi kepada mereka yang memerlukan menerusi sumbangan amal, sejajar dengan usaha kerajaan menghulurkan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan dan golongan B40."

Untuk mengambil bahagian dalam kempen Jom Masak, Menang & Kongsi Bersama, anda hanya perlu membeli mana-mana produk MAGGI dengan resit daripada peruncit yang turut serta, tulis nama dan butiran MyKad pada resit dan hantar foto resit menerusi WhatsApp ke 018 388 3533. Di samping itu, borang penyertaan juga boleh dihantar ke Peti Surat atau menerusi Duta MAGGI di pelbagai lokasi. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka kehendaki, kerana bilangan penyertaan adalah tidak terhad. Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang bermastautin di Sabah sahaja.

Sepanjang kempen, selain daripada Hadiah Utama, hadiah wang tunai mingguan bernilai RM100 juga diberikan kepada 160 pemenang bertuah. Di samping itu, hadiah lain yang ditawarkan termasuk TV Philips bernilai RM2,000 setiap satu bagi tiga pemenang hadiah pertama, Penggoreng Udara Phillips bernilai RM680 setiap satu untuk enam pemenang hadiah kedua dan set Perkakas Dapur bernilai RM200 setiap satu untuk 60 pemenang hadiah ketiga.

Untuk maklumat lanjut tentang kempen Jom Masak, Menang & Kongsi Bersama 2023, layari www.maggi.com.my.

Mengenai MAGGI®

MAGGI® ialah jenama global yang terkenal dan menjadi sebutan ramai di Malaysia. Misi utamanya adalah untuk mencipta detik-detik indah menyediakan sajian kebahagiaan yang mengukuhkan ikatan kekeluargaan. Menerusi pelbagai rangkaian produk dan penyelesaian makanannya, MAGGI® membantu ibu-ibu menyediakan sajian makanan masakan rumah yang lazat dan seimbang untuk keluarga mereka setiap hari. Jenama ini juga komited untuk memenuhi keperluan pengguna yang sentiasa berubah, menyediakan produk dan idea baharu yang terus menggembirakan dan memberi inspirasi kepada keluarga-keluarga Malaysia untuk menikmati khasiat kebaikan sajian yang dimasak di rumah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.maggi.my atau ikuti halaman Facebook kami di <http://www.facebook.com/MaggiMalaysia>.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456

Mobile +6012-235 6865

: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.co

E-mail: [m](#)

Deepa Mukundan

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Mobile +60 10-426 5857 (Deepa)

: acorncommunications@acornco.com.my

E-mail: